



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI KHAMIS, 23HB., SYAABAN 1444 / 16HB., MAC 2023  
(HARI KESEBELAS)**

**1. DO'A SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A.

2.1.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, iaitu:

i. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin

- Ingin mengetahui apakah kriteria-kriteria yang membolehkan 8 syarikat pelancongan untuk mengendalikan pakej haji dan umrah yang bagi ketiga-tiga kategori; dan bagaimanakah pihak kementerian membantu syarikat-syarikat lain untuk mencapai tahap yang sama;
- Mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji untuk mengeluarkan *standard minimum* pengurusan perkhidmatan haji dan umrah demi kesejahteraan jemaah;
- Ingin mengetahui apakah inisiatif pihak kementerian untuk mencapai sasaran *KPI* iaitu penurunan 3%

setiap tahun bagi jenayah Syariah dan memohon untuk mengongsikan kategori kes-kes yang telah disabitkan mengikut Hukum Kanun Jenayah Syariah;

- Memohon pencerahan mengenai garis panduan berkaitan pakaian sopan khusus bagi kaum hawa; dan untuk dikuatkuasakan pengasingan penggunaan gimnasium bagi kaum lelaki dan perempuan;
- Menyoalkan apakah pandangan Islam mengenai bayaran tambahan yang dikenakan misalnya dengan mengenakan jumlah bayaran cukai, yang menjadikannya sebagai tambahan daripada jumlah cukai yang sepatutnya dibayar.

ii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin

- Menyarankan untuk memperkasakan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu dengan rujukan-rujukan ilmiah serta diberikan kemudahan *internet* bagi menarik minat belia mengikuti program-program seperti Malam Munajat Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- Memperkasa peranan imam dalam menegakkan dan menyampaikan Syiar Islam;
- Mencadangkan agar pelapis-pelapis imam diberikan kursus-kursus yang bersesuaian;
- Mencadangkan supaya guru-guru ugama dilibatkan dengan kegiatan masjid dan penglibatan ini diambil kira sebagai prestasi kerja mereka.

iii. Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong

- Ingin mengetahui apakah tauliah para da'ie juga diberikan kepada warga asing di negara ini;
- Memohonkan pencerahan sekiranya Majlis Ugama Islam sentiasa memantau para da'ie dan pensyarah yang datang dari luar negeri.

iv. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann

- Memohon pencerahan sekiranya pihak kerajaan ada perancangan untuk membina masjid-masjid baharu di

kawasan Pekan Belait bagi menampung jumlah jemaah yang ramai;

- Ingin mengetahui apakah syarat-syarat yang ditetapkan untuk memohon bantuan mengerjakan ibadah haji bagi golongan mualaf.

v. Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan

- Mohon pencerahan mengenai hasil lawatan-lawatan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama ke Majlis-Majlis Ugama Islam negara-negara jiran seperti di Malaysia dan Singapura dan adakah sistem tersebut dipakai dan diamalkan;
- Mencadangkan bagi mengadakan 'Belia MUIB' bagi masjid-masjid di seluruh negara sebagaimana diadakan belia masjid untuk membantu kekurangan kakitangan menemuduga serta diberi tunjuk ajar garis pandunya.

vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman

- Mencadangkan untuk mempertimbangkan tangga gaji pemangku-pemangku Imam Tingkat IV yang telah ditetapkan dalam jawatan, yang berkelulusan *Higher National Diploma* (HND);
- Ingin mengetahui statistik kes-kes penceraiian sekiranya meningkat atau sebaliknya dan memohon pencerahan mengenai proses-proses kaunseling bagi pasangan suami isteri yang mempunyai masalah rumah tangga;
- Ingin mengetahui apakah inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei untuk membantu masyarakat terutama golongan-golongan yang memerlukan; dan berapakah jumlah aset-aset harta tanah yang diurus tadbir oleh Badan Tanmiah berkenaan;
- Ingin mengetahui jumlah kes murtad serta punca-punca utama yang menyebabkan mereka terkeluar dari agama Islam.

vii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

- Ingin mengetahui apakah cara yang boleh memudahkan orang ramai yang tidak berkemampuan khususnya golongan warga emas untuk mengerjakan ibadah haji; dan mencadangkan sekiranya kos-kos dapat diturunkan dengan meneliti semula lagi jumlah hari di musim haji, tempat penginapannya, penerbangan dan kos-kos pemakanan semasa menunaikan ibadah tersebut;
- Mencadangkan untuk memperbanyakkan dan memeriahkan masjid di kawasan perumahan dan seterusnya menyoalkan strategi kementerian untuk menjadikan pembangunan masjid di kawasan perumahan negara sebagai satu *priority*;
- Memohon budi bicara pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membenarkan masjid-masjid untuk menggunakan kutipan dari tabung awam atau diberi peruntukan khas untuk mengadakan majlis-majlis berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan di masjid-masjid;
- Mencadangkan untuk membuat kaji selidik tentang ilmu zakat terhadap orang awam;
- Mencadangkan untuk memberigakan supaya orang awam lebih faham dan akur dengan proses pemantauan pemakanan terutama daging import dalam mendapatkan pensijilan halal Brunei;
- Menyoalkan jika kementerian mempunyai niat untuk melantik agensi ketiga untuk mendapat kawalan kualiti agar dapat meneliti kompetensi dan pematuhan pegawai pengesah dalam menentukan kehalalan pemakanan; serta mewujudkan latihan-latihan untuk pegawai yang berkenaan sebelum diberi tugas sebagai *Halal Certifier*.

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SABTU, 18HB MAC 2023 JAM 9:30 PAGI]**

---